

# Peserta PABM perlu kenal budaya rakyat Malaysia untuk juarai pidato

KUALA LUMPUR 16 April - Fasih berbahasa Melayu dan kekuatan hujah sahaja tidak mencukupi untuk peserta memenangi pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri (PABM), sebaliknya mereka perlu memahami budaya masyarakat negara ini.

Itu nasihat daripada peserta Panama, **Derrick Fernando Jaramillo** yang muncul juara PABM Kategori Antarabangsa pada tahun lepas kepada para peserta yang mencuba nasib pada pertandingan edisi 2014 yang akan diadakan di Universiti Putra Malaysia (UPM) bermula Sabtu ini.

Derrick, 28, atau nama Islamnya, Muhammad Zareth Syahir yang kini mengikut pengajian peringkat ijazah sarjana dalam bidang pendidikan dan bahasa di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) berkata, pemahaman mengenai budaya dan adab rasm rakyat Malaysia akan memberikan kelebihan kepada peserta dalam pertandingan tersebut.

"Saya rasa yang paling penting adalah karisma seseorang peserta itu. Kita perlu kenal orang Malaysia macam mana supaya kita boleh sampaikan sesuatu yang buat mereka tertarik hendak dengar.

"Untuk itu peserta perlu belajar



**DERRICK FERNANDO**



**FATHIAH IBRAHIM**

tentang budaya dan adat orang Malaysia kalau hendak menang," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Menurut pemuda berasal dari benua Amerika Selatan itu, cara terbaik untuk mengenali budaya masyarakat Malaysia adalah dengan bergaul dengan mereka.

"Saya tidak pernah mengambil kelas bahasa Melayu tetapi saya boleh menguasai bahasa itu kerana banyak berkawan dengan orang Melayu," katanya yang tinggal di negara ini sejak

2009 bagi mendalami bahasa Melayu dan Islam.

Sementara itu juara PABM 2012 kategori Nusantara, **Fathiah Ibrahim**, 25, berkata, berbanding kategori antarabangsa, saingan kategori yang dimenangi itu lebih sengit kerana perlu bersaing dengan peserta dari negara serantau yang bertutur bahasa Melayu terutamanya Brunei dan Indonesia.

"Dalam kategori nusantara, semua

peserta boleh bertutur bahasa Melayu. Jadi, segi teks hujah adalah lebih penting. Saya dapati dalam pertandingan tahun lepas, ramai peserta selitkan aspek nyanyian dalam pidato-mereka. Bagi saya, itu sudah lari dari konteks pidato kerana apa yang penting adalah kandungan teks," katanya.

Pelajar tempatan yang menuntun di semester akhir pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Manu-

## INFO

### PERTANDINGAN PIDATO ANTARABANGSA BAHASA MELAYU PIALA PERDANA MENTERI (PABM 2014)

#### (17 dan 18 April 2014, Khamis dan Jumaat)

■ Ketibaan para peserta mengikut jadual

#### (20 April 2014, Ahad)

■ Bengkel penyampaian pidato (Sesi I)  
■ Bengkel penyampaian pidato (Sesi II)

#### (21 April 2014, Isnin)

■ Majlis resepsi di Seri Perdana  
■ Lawatan sekitar Kuala Lumpur bersama Tourism Malaysia

#### (22 April 2014, Selasa)

■ Pertandingan peringkat saringan (Kategori Antarabangsa-Sesi I)  
■ Pertandingan peringkat saringan

#### (Sesi II)

■ Pengumuman peserta ke peringkat suku akhir (Kategori Antarabangsa)

#### (23 April 2014, Rabu)

■ Pertandingan peringkat saringan (Kategori Nusantara)

■ Pertandingan peringkat suku akhir (Kategori Antarabangsa-Sesi I)

■ Pertandingan peringkat suku akhir (Kategori Antarabangsa-Sesi II)

■ Pengumuman peserta ke peringkat separuh akhir

#### (24 April 2014, Khamis)

■ Pertandingan peringkat separuh akhir (Kategori Antarabangsa dan Nusantara)

■ Pengumuman peserta ke peringkat akhir

#### (25 April 2014, Jumaat)

■ Perasmian Malam Kemuncak PABM 2014 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak

■ Majlis Penyampaian Hadiah

#### (26 April 2014, Sabtu)

■ Perasmian program inap desa dan penyerahan anak angkat

#### (27 April 2014, Isnin)

■ Lawatan ke Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI)

■ Malam Cinta Budaya

#### (28 April 2014, Selasa)

■ Lawatan ke Kilang Sawit & Biogas Sungai Tengi, Hulu Selangor

■ Lawatan ke Pusat Konservasi Hidupan Liar Sungai Dusun

■ Sukan rakyat dan aktiviti memancing tradisional

#### (29 APRIL 2014, Rabu)

■ Majlis penutup program inap desa PABM 2014

■ Majlis perpisahan dan berlepas pulang ke Kuala Lumpur

sia di UPM itu, pengalaman menyertai PABM menjadikan dia lebih berkeyakinan dalam kehidupan seharian.

"Apatah lagi selepas bergelar juara, harapan dan tanggungjawab yang diletakkan kepada saya lebih tinggi terutamanya daripada pensyarah. PABM adalah pentas yang paling diidamkan oleh semua peminat di negara ini," katanya.

PABM 2014 menyaksikan peny-

ertaan sebanyak 80 peserta dari 75 buah negara bagi merebut Piala Perdana Menteri dalam dua kategori yang dipertandingkan iaitu kategori antarabangsa dan nusantara yang kini diubah kepada alam Melayu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dijangka menyampaikan hadiah kepada para pemenang pada hari kemuncak pertandingan itu yang dijadualkan pada 25 April ini.